



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI  
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Department Of Higher Education  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Ministry of Higher Education Malaysia  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**JPT** | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

Tel: 603-88706439  
Faks (Fax): 603-88706840  
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Fail : JPT (BKA)1000/016/018/26 Jld 4 (18)  
Tarikh : 9 Oktober 2024

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Seri/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

### PENYERTAAN MAHASISWA DAN PENSYARAH DALAM PESTA BUKU ANTARABANGSA SELANGOR (SIBF 2024)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato' Seri/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) akan menganjurkan **Selangor International Book Fair 2024 (SIBF 2024)** seperti ketetapan berikut:

**Tarikh : 27 November hingga 3 Disember 2024**

**Masa : 9.00 pagi hingga 9.00 malam**

**Tempat : Setia City Convention Centre, Setia Alam  
Shah Alam Selangor**

3. Program ini akan memanfaatkan mahasiswa dan pensyarah serta amat baik dalam menerapkan **budaya membaca** dalam kalangan mahasiswa dan pensyarah. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Seri/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk menghebahkan program tersebut kepada pensyarah dan mahasiswa di bawah seliaan masing-masing. Secara umumnya, SIBF 2024 akan

memberi impak kepada universiti/ institusi dalam membentuk dan melentur mahasiswa serta pensyarah yang lebih berkualiti dan holistik. Bersama-sama ini juga dilampirkan sesalinan surat daripada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bertarikh 30 September 2024 untuk perhatian YBhg. Datuk/ Dato' Seri/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan jua.

4. Jabatan ini berharap pihak **YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Prof.Madya/ Dr./ Tuan/ Puan** dapat mengadakan rombongan ke SIBF 2024 berdasarkan keupayaan dan kesesuaian universiti masing-masing. Kerjasama dan tindakan pihak YBhg. Datuk/ Dato' Seri/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK PROFESOR DR. AZLINDA AZMAN)**

**YBHG. DATUK PROFESOR DR. AZLINDA AZMAN**

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Aras 9, No. 2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Persint 5,  
62200, W.P. Putrajaya

YBhg. Datuk Profesor,



**MEMOHON KERJASAMA DAN KEBENARAN BAGI MENGADAKAN ROMBONGAN MAHASISWA/PENSYARAH KE PESTA BUKU ANTARABANGSA SELANGOR 2024 (SIBF 2024)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) akan menganjurkan **Selangor International Bookfair 2024 (SIBF 2024)**. Butiran program berkenaan adalah seperti berikut:

**NAMA PROGRAM** : SELANGOR INTERNATIONAL BOOKFAIR 2024 (SIBF 2024)  
**TARIKH** : 27 NOVEMBER – 3 DISEMBER 2024  
**LOKASI** : SETIA CITY CONVENTION CENTRE, SETIA ALAM, SHAH ALAM  
**MASA** : 9:00 PAGI hingga 9:00 MALAM

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon kelulusan dan pertimbangan YBhg. Datuk Profesor bagi membenarkan mahasiswa dan pensyarah mengadakan rombongan serta terlibat dalam pelbagai aktiviti yang diadakan sepanjang program ini berlangsung. Semoga dengan adanya rombongan dan penglibatan aktiviti dari mahasiswa dan pensyarah dapat memberikan impak yang besar kepada program dan juga memberi manfaat kepada jabatan dan inintusi YBhg. Datuk Profesor.

4. Sebarang maklumat lanjut, pihak YBhg. Datuk Profesor boleh menghubungi pegawai kami:

i) Puan Norafidah Muhd Wirsat : 013 – 2464 604 atau 03-5519 7667  
ii) Puan Sannyza Abdul Rahim : 019 – 3797 733 atau 03-5519 7667

5. Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Datuk Profesor berhubung perkara ini didahului dengan sefinggi-finggi ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

**"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"**  
**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menandatangani amanah

**DATIN PADUKA MASTURA BINTI HAJI MUHAMAD, D.S.I.S**

Pengarah  
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor